

ISSPeC 2023: 016

Peranan Media Sosial dalam Membina Komuniti Islam dan Mempromosikan Nilai-nilai Islam

MUHAMMAD FITRI AB KADIR
Universiti Teknologi Malaysia

SITI SUHAILA IHWANI
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Media sosial adalah aplikasi mudah alih yang menjadi medium perhubungan yang mana penggunaannya yang sangat meluas dalam kalangan masyarakat dipelbagai peringkat usia pada zaman kini. Dalam pada itu, komuniti Islam boleh dibangunkan dan nilai-nilai Islam mampu dipromosikan melalui penggunaan media sosial yang merupakan medium yang sangat efektif. Oleh hal yang demikian, media sosial boleh digunakan untuk memupuk komunikasi antara umat Islam di seluruh dunia, menyebarkan pengetahuan dan ajaran Islam, dan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu penting yang dihadapi oleh komuniti Islam. Kajian ini adalah untuk mengkaji peranan media sosial dalam membina komuniti Islam dan mempromosikan nilai-nilai Islam. Disamping itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti cabaran dan peluang menggunakan media sosial untuk penyebaran Islam. Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu melalui kajian secara kepustakaan. Hasil dapatan kajian dapat memberikan pendedahan yang jelas kepada pertubuhan Islam, individu mahupun ulama yang berminat menggunakan media sosial sebagai medium dalam membina komuniti Islam dan mempromosi nilai-nilai Islam. Seterusnya, hasil kajian juga relevan kepada individu yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peranan media sosial dalam komuniti Islam.

Kata kunci: Peranan, cabaran dan peluang, media sosial, komuniti Islam, nilai-nilai Islam.

PENDAHULUAN

Kini, kehidupan kita lebih tertumpu kepada media sosial, dan masyarakat Islam juga tidak terkecuali menghadapi situasi ini. Dalam pada itu, umat Islam menggunakan pelbagai jenis laman media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube sebagai medium untuk berkomunikasi antara satu sama lain, bertukar maklumat dan menjadi sumber kepada diri mereka tentang ajaran Islam. Sementara itu, untuk mengukuhkan komuniti Islam dan memupuk nilai-nilai Islam, media sosial boleh menjadi medium yang sangat penting. Hal ini demikian kerana, media sosial menawarkan kepada umat Islam peluang untuk berinteraksi dan mewujudkan ikatan antara satu sama lain disamping memudahkan komuniti Islam berkongsi maklumat tentang Islam serta dapat menyebarkan prinsip-prinsip Islam.

Menurut Omar et al. (2015) mendapati bahawa media sosial memberi kesan positif kepada identiti Islam dan pembinaan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh penemuan kajian menunjukkan hubungan yang kuat antara penerimaan masyarakat terhadap mesej dakwah dan elemen penglibatan media sosial. Oleh sebab itu, mesej dakwah lebih cenderung untuk disampaikan kepada masyarakat melalui media sosial. Jelaslah bahawa penerimaan orang ramai terhadap penggunaan media sosial untuk penyebaran dakwah bergantung kepada tahap keyakinan mereka tentang kebenaran mesej tersebut. Justeru itu, memandangkan media sosial boleh menjangkau komuniti selagi mereka mempunyai akses internet, maka medium media sosial digunakan sebagai platform untuk penyebaran mesej dakwah.

Seterusnya, media sosial digunakan untuk menyebarkan kefahaman kepada nilai-nilai Islam. Selari menurut kajian Mohd Azlan et al. (2020) menerangkan bahawa kefahaman mengenai Islam dapat ditingkatkan melalui penggunaan media sosial serta organisasi Islam dapat menjadikan media sosial sebagai medium untuk meluaskan penyebaran dakwah ke seluruh dunia. Hal ini disebabkan oleh terdapatnya umat Islam yang berkongsi pengalaman dan perspektif mereka di media sosial yang mempamerkan nilai-nilai Islam. Disamping, wujudnya organisasi Islam yang berusaha untuk mempromosi Islam dimata dunia melalui media sosial. Oleh itu, dapat diteliti bahawa komuniti Islam menerima baik bahawa media sosial boleh

digunakan oleh sesiapa sahaja untuk berdakwah dalam menyebarkan nilai-nilai Islam.

Namun demikian, adalah penting untuk kita kenali cabarannya walaupun media sosial mempunyai potensi yang sangat berkesan untuk mengukuhkan komuniti Islam dan penyebaran nilai-nilai Islam. Oleh sebab itu, potensi kepada penyebaran maklumat palsu adalah salah satu halangan utama. Menurut S. Mokhtar et al. (2021) menjelaskan bahawa terdapat individu-individu yang menyebarkan maklumat yang palsu mengenai Islam melalui media sosial yang mana menjadi cabaran kepada pendakwah pada zaman kini untuk menangkis situasi ini supaya bertepatan dengan ajaran Islam yang benar. Disamping itu, didapati bahawa penyebaran maklumat palsu yang pantas di media sosial mengatasi penyebaran maklumat yang benar yang mana menyebabkan orang ramai lebih mudah untuk mempercayainya kerana lambakan maklumat palsu lebih tinggi berbanding yang benar (H. Mokhtar et al., 2023). Oleh itu, maklumat palsu atau tidak tepat kerap disebarkan dimedia sosial khususnya maklumat berkenaan agama Islam. Justeru itu, menjadi kepentingan kepada kita untuk menyemak ketepatan maklumat yang sedia ada yang didapati dimedia sosial sebelum berkongsi dengan mengenal pasti statusnya dahulu.

Dalam pada itu, media sosial menyediakan pelbagai faedah kepada masyarakat walaupun terdapat kelemahannya. Oleh yang demikian, menggunakan media sosial adalah suatu potensi untuk berhubung dengan orang ramai. Menurut Islam (2019) menyatakan bahawa media sosial adalah medium yang baik untuk mengakses kepada komuniti yang lebih luas apabila berkaitan dengan komunikasi awam. Dengan itu, orang yang mungkin tidak terdedah kepada pengetahuan Islam boleh mendapat manfaat daripada platform media sosial. Justifikasinya, menurut Rusli (2013) menyebut bahawa penerimaan dan penggunaan media sosial untuk berdakwah bukan sahaja menyebarkan Islam dalam kalangan komuniti Islam malah, mampu menarik komuniti yang bukan beragama Islam dalam memahami Islam dengan baik. Oleh itu, pendekatan ini dapat mengelakkan daripada timbulnya salah faham terhadap penyampaian kefahaman terhadap Islam dalam semua lapisan masyarakat sama ada yang beragama Islam atau sebaliknya. Oleh itu, media sosial yang dimanfaatkan menyediakan pelbagai faedah untuk memperkukuhkan komuniti Islam serta menyebarkan nilai-nilai Islam.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM MEMBINA KOMUNITI ISLAM DAN MEMPROMOSIKAN NILAI-NILAI ISLAM

Media sosial berpotensi dalam menjadi medium yang sangat bermanfaat dalam membentuk komuniti Islam dan menyebarkan nilai-nilai Islam dalam pelbagai cara. Sementara itu, media sosial dapat membantu umat Islam berinteraksi dan membentuk ikatan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana tanpa mengira waktu dan jarak, media sosial membantu dalam penyebaran dakwah dan membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu sama lain (Mohamed Mokhtar & Hj. Hassan, 2021). Disamping itu, menurut Hidayaturrehman & Putra, (2020) menyebut bahawa media sosial juga digunakan oleh para pendakwah untuk berinteraksi dalam organisasi mereka mahupun organisasi lain dengan berkongsi mesej agama secara meluas sama ada secara peribadi atau berkumpulan. Oleh itu, tidak mengira lokasi mereka berada, umat Islam mampu berkomunikasi dengan mudah melalui platform media sosial yang mana boleh menyumbang kepada kesedaran sebagai ahli masyarakat. Dengan itu, media sosial boleh digunakan sebagai medium perhubungan antara organisasi Islam serta mewujudkan rangkaian kenalan.

Disamping itu, penyebaran ilmu dan maklumat yang berkaitan dengan Islam boleh dibantu oleh melalui penggunaan media sosial. Hal ini demikian kerana terdapat pelbagai pihak yang menggunakan platform media sosial sebagai alat untuk penyebaran informasi mengenai Islam. Menurut Ab Kadir et al. (2017) menerangkan bahawa media sosial menyediakan kemudahan untuk menyebarkan maklumat, mengemas kini maklumat, aktiviti pendidikan, dan mampu untuk berkomunikasi seperti membalas komen atau pertanyaan daripada pengguna media sosial yang lain. Begitu juga, pada zaman kini, ilmuan Islam dapat meneroka tentang Islam dengan mudah melalui media sosial walaupun dari rumah mereka dan menyampaikan maklumat kepada orang lain (Sule & Abdulkareem, 2020). Dengan berbuat demikian, perkara ini dapat memudahkan dalam menyampaikan didikan kepada umat Islam mengenai informasi terkini yang bersangkutan paut dengan masyarakat Islam.

Seterusnya, nilai-nilai Islam boleh disebarkan melalui media sosial. Hal ini menunjukkan nilai-nilai Islam seperti keadilan, toleransi dan kemanusiaan. Menurut Mubarak et al. (2022) menerangkan bahawa dakwah berdasarkan nilai-nilai Islam dapat dikongsikan melalui media sosial secara kreatif dengan pelbagai pendekatan. Disamping itu, menurut Zakariya & Mohamad (2013) menjelaskan bahawa pengguna media sosial sepatutnya mempromosikan dan menyebarkan nilai-nilai Islam agar dapat memperjuangkan agama Islam didalam masyarakat. Oleh yang demikian, maklumat yang disebarkan dapat menyangkal perkara yang tidak diingini kepada agama Islam seperti prasangka buruk dan sebagainya. Justeru itu,

masyarakat secara amnya akan mengenali Islam dengan pandangan yang baik melalui prinsip-prinsip Islam yang menerapkan nilai-nilai yang baik.

Disamping itu, penghasilan dan penyebaran informasi yang berunsur Islamik yang menarik dan informatif melalui media sosial adalah satu kaedah yang sangat efektif. Hal ini kerana pelbagai bentuk pendekatan yang menarik boleh diketengahkan melalui media sosial dalam menyampaikan maklumat berkenaan dengan Islam seperti artikel Islamik, video, dan unsur pertandingan. Selari menurut hasil kajian Younas et al. (2020) mendapati bahawa media sosial merupakan platform yang efektif dalam menyampaikan info dakwah disebabkan terdapatnya unsur-unsur pendekatan yang pelbagai yang mana memudahkan mereka membiasakan diri untuk mempraktikkan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, media sosial berfungsi sangat efektif dalam menarik minat umat Islam untuk mengamalkan ajaran Islam melalui penyebaran maklumat-maklumat yang baik.

Selain itu, memanfaatkan media sosial untuk berinteraksi dan membantu umat Islam yang lain adalah suatu pendekatan bagi mengukuhkan komuniti Islam dan penyebaran nilai-nilai Islam. Menurut Sulaiman et al. (2022) menjelaskan bahawa terdapat ramai ilmuan Islam memanfaatkan media sosial untuk menjelaskan kefahaman agama serta membetulkan kefahaman dan memupuk semangat kemasyarakatan dengan berinteraksi dengan orang ramai. Tambahan pula, menurut Nik Lah et al. (2014) menerangkan bahawa masyarakat Islam dapat menerima info pencerahan dan kefahaman yang terperinci terhadap sesuatu permasalahan agama Islam melalui jawapan yang disediakan dimedia sosial. Dengan berbuat demikian, umat Islam dapat membina hubungan yang utuh disamping menggalakkan wujudnya interaksi antara satu sama lain.

Dalam pada itu, nilai dan prinsip Islam juga boleh ditonjolkan melalui media sosial dengan cara mempamerkan hal ehwal semasa dan terkini. Hal ini selari dengan kajian Puspita & Suciati (2020) yang menyatakan remaja kini lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan semasa melalui media sosial. Hal ini menunjukkan ramai dalam kalangan remaja mendapatkan info untuk dijadikan sebagai sumber maklumat terkini. Begitu juga, dengan kewujudan media sosial, dakwah pada masa kini mula dimanfaatkan melalui platform media sosial supaya dakwah yang disampaikan relevan dengan situasi semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat (Hikmawati & Farida, 2021). Oleh itu, umat Islam mampu memperkenalkan kepada dunia nilai-nilai Islam dengan menggunakan media sosial untuk berhadapan dengan pelbagai isu.

CABARAN DAN PELUANG MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL UNTUK PENYEBARAN ISLAM

Walaupun media sosial memiliki pelbagai kelebihan untuk menyebarkan Islam, namun terdapat juga beberapa halangan tertentu yang perlu diatasi. Dalam pada itu, menurut Zubair et al. (2019) menerangkan bahawa terdapat akaun palsu dimedia sosial yang memanipulasi akaun original untuk menyebarkan maklumat yang palsu. Sebagai contoh, terdapat penyebaran maklumat mengenai tanggapan yang salah tentang umat Islam dan khabar angin palsu tentang pemimpin Islam disebarkan dimedia sosial (Islam, 2019). Dengan itu, umat Islam perlulah bersikap lebih kritis terhadap maklumat yang mereka dapati dilaman media sosial dan mengesahkannya terlebih dahulu sebelum berkongsi.

Selain itu, ucapan yang berunsur kebencian boleh disebarkan dan masyarakat boleh diganggu dan dibuli melalui media sosial. Oleh sebab itu, menurut Mathew et al. (2019) terdapatnya peningkatan yang ketara terhadap penyebaran ucapan kebencian dalam masyarakat walaupun terdapatnya usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani isu tersebut. Begitu juga menurut Elsherief et al. (2018) menyatakan media sosial telah menjadi tumpuan pihak-pihak tertentu yang berunsurkan antisosial yang mana mereka menyebarkan gangguan atas talian, penyalahgunaan, buli siber, dan ucapan kebencian. Justeru itu, semua pihak mestilah mengambil cakna terhadap perkara ini sekali gus membuat laporan kepada pihak yang sepatutnya untuk menangani permasalahan ini.

Dalam pada itu, masyarakat boleh terjebak dengan ketagihan terhadap media sosial. Kesannya, ketagihan ini bukan sahaja menggunakan masa tanpa kawalan terhadap media sosial, namun situasi ini akan membawa kepada situasi-situasi yang lebih buruk kepada masyarakat. Berdasarkan kajian oleh Abdul Aziz et al. (2021) mendapati bahawa remaja yang terjebak dengan ketagihan mengalami impikasi yang diingini seperti kesihatan mental terganggu, dipengaruhi berita palsu, dan terlibat dengan unsur-unsur hasutan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, masyarakat sepatutnya berusaha dalam mengubah sikap diri masing-masing supaya bijak dalam menangani ketagihan kepada penggunaan media sosial disamping bijak dalam mengurus dan mengatur masa dalam kehidupan seharian.

Namun demikian, media sosial menyediakan beberapa potensi untuk mempromosikan Islam walaupun terdapat kelemahannya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, adalah wajar untuk menyebarkan maklumat tentang Islam kepada semua lapisan masyarakat melalui media sosial. Bertepatan berdasarkan kajian Abdul Wahab et al. (2019) menerangkan

pendekatan dakwah melalui media sosial adalah medium yang berkesan disebabkan penyampaiannya adalah menyeluruh kepada masyarakat tidak mengira masa dan tempat. Justeru itu, pendekatan dakwah kepada pelbagai latar belakang masyarakat terutamanya kepada golongan muda yang merupakan pengguna media sosial yang ramai adalah penting supaya platform yang dimanfaatkan dapat digunakan sepenuhnya.

Tambahan pula, media sosial mampu menyediakan ruang untuk pembinaan hubungan erat walaupun terdapat perbezaan dari aspek agama dan budaya. Hal ini disebabkan menurut Abd Rahman et al. (2019) menyatakan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama dan budaya dapat disatukan melalui media sosial di atas faktor perkongsian yang meluas mengenai informasi berkaitan agama, budaya, adat resam yang membawa kepada saling memahami dan menghormati serta menjaga batas sensitiviti masing-masing. Disamping itu, menurut Mior Kamarulbaid et al. (2015) menjelaskan bahawa jalinan hubungan antara etnik yang berbeza mampu diketengahkan melalui komunikasi melalui media sosial. Justeru itu, umat Islam seharusnya menggalakkan persefahaman melalui komunikasi menggunakan media sosial untuk berkongsi pengalaman dan kepercayaan kepada penganut agama lain.

Lain daripada itu, media sosial memberi peluang dalam pemeraksanaan komuniti Islam dengan menyuarakan fahaman berdasarkan ajaran Islam. Menurut Johari et al. (2010) menerangkan bahawa komuniti Islam seharusnya menjadikan Islam sebagai asas dalam menggunakan media sosial supaya sentiasa berkongsi perkara-perkara positif yang dapat meningkatkan keperibadian akhlak dan menjaga kemurnian akidah. Dengan berbuat demikian, umat Islam boleh menggunakan media sosial untuk menonjolkan nilai-nilai Islam sekali gus menghilangkan persepsi palsu terhadap agama Islam.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Menurut Creswell & Creswell (2023) mentakrifkan bahawa kajian kualitatif adalah kaedah untuk menyiasat dan memahami makna yang diberikan oleh individu atau kumpulan kepada isu sosial atau manusia. Begitu juga menurut Fraenkel et al. (2023) menerangkan bahawa kajian kualitatif sering digunakan untuk menerangkan penyiasatan terhadap kualiti interaksi, peristiwa, senario atau sumber. Begitu juga menurut Merriam & Tisdell (2016) menjelaskan tujuan kajian kualitatif adalah untuk lebih memahami cara orang membuat hubungan dengan kehidupan mereka, untuk menggariskan proses membuat makna dan bukannya hasil atau produk, dan untuk memberikan penerangan tentang cara individu melihat pengalaman mereka.

Seterusnya reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Jasmi (2021) menerangkan bahawa analisis dokumen ialah pengasingan teknik yang digunakan untuk mengumpul data penyelidikan daripada analisis kandungan, yang merupakan tafsiran adil terhadap komunikasi bertulis, lisan atau visual. Oleh yang demikian, penyelidik melaksanakan analisis dokumen mengikut prosedur yang ditetapkan. Maka, dokumen-dokumen seperti artikel, laporan dan prosiding dianalisis untuk mendapatkan data selari dengan objektif kajian iaitu untuk mengkaji peranan media sosial dalam membina komuniti Islam dan mempromosikan nilai-nilai Islam serta untuk mengenal pasti cabaran dan peluang menggunakan media sosial untuk penyebaran Islam. Justeru itu, penemuan daripada hasil analisis dokumen yang dijalankan, penyelidik akan mengaplikasikan kaedah secara deskriptif dan induktif.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini meneroka untuk melihat bagaimana peranan media sosial membantu dalam membina komuniti Islam dan menyebarkan nilai-nilai Islam. Menurut kajian mendapati bahawa media sosial memainkan peranan dalam memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan umat Islam dengan memberi ruang kepada mereka untuk berinteraksi dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Disamping itu, media sosial berperanan untuk menyediakan platform yang menggalakkan perbincangan dan perkongsian ilmu dan maklumat mengenai Islam sekali gus dapat memartabatkan nilai-nilai Islam. Seterusnya, kajian mendapati bahawa umat Islam pelbagai kesukaran yang menjadi cabaran dalam menggunakan media sosial seperti penyebaran maklumat palsu, kata-kata yang mempunyai unsur kebencian, dan isu ketagihan terhadap penggunaan media sosial. Namun demikian, kajian mendapati umat Islam mempunyai beberapa peluang untuk menyebarkan Islam dimedia sosial. Antaranya adalah seperti menjadi medium yang efektif dalam penyebaran dakwah kepada Islam, membina hubungan yang erat walaupun berbeza latar belakang dan memperkukuhkan komuniti umat Islam.

Dapatan kajian mendapati wujudnya peranan yang signifikan terhadap penggunaan media sosial dalam komuniti Islam. Hal ini demikian kerana, berdasarkan kajian-kajian yang lepas didapati bahawa media sosial boleh digunakan untuk membina hubungan, menyebarkan maklumat, dan berkongsi tentang nilai-nilai Islam. Oleh itu, dengan memfokuskan

kepada peranan penggunaan media sosial dalam komuniti Islam, dapatan kajian turut meluaskan maklumat mengenai kepelbagaian peranan yang penting supaya memberikan gambaran yang jelas dan tepat terhadap maklumat yang diperincikan. Disamping itu, melalui dapatan kajian, terdapat beberapa implikasi yang disandarkan kepada komuniti Islam. Pertamanya adalah terdapat hujah yang menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan komuniti Islam dan menonjolkan nilai-nilai Islam. Seterusnya, umat Islam disyorkan untuk menggunakan media sosial secara bertanggungjawab dan mengenal pasti dari sudut kekurangannya. Begitu juga, dicadangkan untuk umat Islam supaya memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial untuk mempromosikan Islam.

RUJUKAN

- Ab Kadir, K., Sahari @ Ashaari, N., & Salim, J. (2017). *Initial Model of Social Media Islamic Information Credibility*. 1–6.
- Abd Rahman, R., Mak Din, H. A., Liaw, J. O. H., Abdul Khalil, A., & Abd Razak, M. (2019). *KESEPADUAN SOSIAL GENERASI BAHARU MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA MELALUI MEDIA SOSIAL: SUATU*. 29–40.
- Abdul Aziz, A. R., Kasmani, M. F., & Ab Razak, N. H. (2021). *IMPLIKASI KETAGIHAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KESIHATAN MENTAL REMAJA SEMASA PANDEMIK COVID-19*. 18(8), 66–81.
- Abdul Wahab, N., Muhamad, N., & Isamil, M. S. (2019). *MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH MASA KINI [SOCIAL MEDIA AS A MEDIUM DAKWAH NOWADAYS]*. 2(1), 14–23. <https://www.researchgate.net/publication/340861392>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research Design, Qualitative, Quantitative Approaches*.
- Elsherief, M., Nilizadeh, S., Nguyen, D., Vigna, G., & Belding, E. (2018). *Peer to Peer Hate: Hate Speech Instigators and Their Targets*. 52–61. <https://dev.twitter.com/streaming/>
- Fraenkel, Jack. R., Wallen, N., & Hyun, H. (2023). *How to design and evaluate research in education*. (Eleventh).
- Hidayaturrehman, M., & Putra, D. I. A. (2020). The Role of Technology and Social Media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubalig. *DINIKA: Academic Journal of Islamic Studies*, 4(1), 45–64. <https://doi.org/10.22515/dinika.v4i1.1858>
- Hikmawati, S. A., & Farida, L. (2021). *Institut Agama Islam Sunan Kalijogo Malang PEMANFAATAN MEDIA TIK TOK SEBAGAI MEDIA DAKWAH BAGI DOSEN IAI SUNAN KALIJOGO MALANG*. 2(1), 1–11.
- Islam, M. T. (2019). THE IMPACT OF SOCIAL MEDIA ON MUSLIM SOCIETY: FROM ISLAMIC PERSPECTIVE. *International Journal of Social and Humanities Sciences (IJSHS)*, 3(3), 95–114.
- Jasmi, K. A. (2021). *METODE PENGUMPULAN DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATITIF UNTUK PENGAJIAN ISLAM DAN PENDIDIKAN ISLAM*. <https://utm.webex.com/meet/qamar>
- Johari, M. H., Baharuddin, A. S., & Ihwani, S. S. (2010). *MEDIA SOSIAL DAN KELESTARIAN PENGGUNAAN MENURUT ISLAM*. 3(2), 61–86. <http://eprints.utm.my/41061/1/>
- Mathew, B., Dutt, R., Goyal, P., & Mukherjee, A. (2019). Spread of Hate Speech in Online Social Media. *WebSci 2019 - Proceedings of the 11th ACM Conference on Web Science*, 173–182. <https://doi.org/10.1145/3292522.3326034>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*.
- Mior Kamarulbaid, A., Ridzuan, A. R., Abdullah, S. N. F., Hamdan, E., & Bakar, M. H. (2015). *KESAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP PERPADUAN UMMAH DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA*. 620–626.
- Mohamed Mokhtar, M. M., & Hj. Hassan, H. (2021). PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH ISLAM DALAM KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG BESERAH, KUANTAN, PAHANG (The Use of Social Media as a Medium of Islamic Preaching Among the Residents of Beserah Village, Kuantan, Pahang). *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(1), 41–48. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i1.6667>
- Mohd Azlan, N. A., Zainal Abidin, N. S., Saahar @ Saabar, S., & Alimom, N. (2020). Spiritualizing New Media: The Use of Social Media for Da'wah Purposes within Malaysian Muslim. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 2(1), 30–41. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijarih>
- Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Arshad, M. H., & Mahmod, A. H. (2023). *KEPIMPINAN DAKWAH DALAM MENGHADAPI CABARAN MAD'U DALAM ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0*. 1523–1531. <https://www.researchgate.net/publication/369441773>
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., & Moharam, M. M. al-H. (2021). *Prospek Dan Cabaran Implementasi Dakwah Dalam Media Kontemporari: Satu Analisis*. 408–418. <https://www.researchgate.net/publication/354400170>
- Mubarok, S., Kurniawan, H., Wulandari, D. P., & Suharyat, Y. (2022). *SOSIAL MEDIA SEBAGAI MEDIA PENDIDIKAN ISLAM*. *Jurnal Telangke Ilmu Komunikasi*, 4(2), 11–17. <https://jurnal.ugp.ac.id/index.php/Telangke>
- Nik Lah, N. M. I., Kumaran, P. V., & Jasmi, K. A. (2014). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia*. *Jurnal Channel*, 3(2), 1–16. <https://www.researchgate.net/publication/339551366>

- Omar, F. I., Rosli, H. F., Zakaria, N. A., & Abdullah, N. N. D. (2015). HUBUNGAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN PENERIMAAN MESEJ DAKWAH. *Management and Muamalah*, 2015(2), 181–191.
- Puspita, R., & Suciati, T. N. (2020). MOBILE PHONE dan MEDIA SOSIAL: PENGGUNAAN dan TANTANGANNYA pada JURNALISME ONLINE INDONESIA. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 3(2), 2656–050. <http://ejournal.upnvj.ac.id/index.php/JEP/index>
- Rusli, N. (2013). Spiritualising New Media: The Use of Social Media for Da'wah Purposes within Indonesian Muslim Scholars. *Jurnal Komunikasi Islam*, 03(1), 1–21.
- Sulaiman, M., Ahmad, M. N., Ismail, A., & Md Hamdani, S. (2022). *Pembangunan Media Sosial Baharu dan Impaknya Terhadap Dakwah Era Digital di Malaysia*. 638–672. <https://www.vpnmentor.com/blog/vital-internet-trends/>
- Sule, M. M., & Abdulkareem, L. (2020). Muslim scholars and the world of social media: opportunities and challenges. *Islamic Communication Journal*, 5(2), 223. <https://doi.org/10.21580/icj.2020.5.2.6556>
- Younas, M., Ahmad, T., & Khan, S. (2020). Effects of Religious Contents on University Students: A Case Study of Social Media. In *Online Media & Society* (Vol. 1). <http://hnpublisher.com>
- Zakariya, N., & Mohamad, A. D. (2013). *Media Sebagai Wasilah Dakwah*.
- Zubair, T., Raquib, A., & Qadir, J. (2019). *COMBATING FAKE NEWS, MISINFORMATION, AND MACHINE LEARNING GENERATED FAKES: INSIGHTS FROM THE ISLAMIC ETHICAL TRADITION*. 10(2), 189–212.